

04/10/2003

Ramai wanita Kelantan hidap Aids menerusi suami

Torek Sulong

BACHOK: Pesakit Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids) di kalangan wanita Kelantan menunjukkan peningkatan serius, dipercayai kesan jangkitan daripada suami mereka melalui hubungan kelamin.

Naib Pengerusi Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia, Prof Madya Dr Rashidah Shuib, berkata suri rumah terpaksa menanggung musibah itu akibat kecurangan suami yang melanggan pelacur dan sebahagian lagi menagih dadah.

Katanya, sebagai suami, mereka sewajarnya bertanggungjawab menjaga kesejahteraan keluarga, termasuk memastikan bebas daripada jangkitan Aids.

Bagaimanapun, beliau tidak memberikan angka bagi menyokong dakwaan berkenaan.

"Yayasan Aids Malaysia dan Persatuan Perancang Keluarga Malaysia sentiasa mengambil perhatian mengenai masalah Aids.

"Sebab itu siri penerangan mengenai bahaya penyakit ini kepada kumpulan sasar membabitkan suami, remaja dan nelayan di Kedah, Kelantan dan Terengganu diadakan sepanjang tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan kempen masyarakat sihat mewakili Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir, di Kampung Nelayan Kandis, di sini semalam.

Dr Rashidah berkata, sebahagian besar penghidap Aids yang dikesan di negara ini adalah Melayu dengan 30 peratus membabitkan remaja dan golongan muda berusia kurang 29 tahun.

Katanya, mengikut kajian, antara penyumbang penyakit berbahaya itu adalah keterlanjuran melakukan seks bebas dan berkongsi jarum suntikan dadah.

Beliau berkata, antara langkah pencegahan awal paling baik mengelakkan jangkitan ialah menangani masalah gejala sosial di kalangan remaja di kawasan masing-masing.

Katanya, kerjasama penduduk setempat membantu pihak berkuasa membanteras penyalahgunaan dadah juga perlu dipertingkatkan.

"Remaja juga perlu membina kekuatan diri supaya tidak mudah terjerumus perbuatan tidak sihat yang membabitkan perlakuan seks bebas dan penyalahgunaan dadah," katanya.